

D962

U 8084 DEB
MAHATHIR - NASIHAT

86

PENDANG, 16/0808 (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA UMAT ISLAM HENDAKLAH MENGENEPIKAN SEGALA KEHENDAK NAFSU YANG MENDORONG MEREKA MELANGGARI PERINTAH ALLAH.

MEREKA JUGA HARUS MENGORBANKAN PERASAAN SUPAYA HUBUNGAN SESAMA MASYARAKAT SENTIASA BERADA DALAM KEADAAN YANG BAIK, KATANYA KEPADA KIRA-KIRA 1,000 ORANG PADA MAJLIS KORBAN AIDIL ADHA DI SINI.

SIKAP +MARAHA+ SEMATA-MATA KERANA MENGIKUT KEHENDAK NAFSU DALAM PILIHAN RAYA UMUM LEPAS HENDAKLAH DIKIKIS, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA KESAL DENGAN TINDAKAN SEGELINTIR MASYARAKAT ISLAM DI KELANTAN YANG TIDAK MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA SEMALAM.

BELIAU MENGULAS LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MENGUTIP BAHAWA KIRA-KIRA 500 ORANG PENDUDUK BERAGAMA ISLAM DI KAMPUNG LUBUK CHEKOK DI PASIR MAS TIDAK MENYAMBUT HARI RAYA SEMALAM KERANA MEREKA MENDAKWA KONONNYA BELUM SAMPAI WAKTU UNTUK BERBUAT DEMIKIAN. -- LAGI
1705MST 16 08 86

U 8085 DEB
MAHATHIR - NASIHAT 2 PENDANG

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN PARA ULAMAK MEMBUAT PENJELASAN KEPADA GOLONGAN BERKENAAN SUPAYA PERKARA SEUMPAMA ITU TIDAK BERULANG LAGI.

YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, ANGGOTA PARLIMEN PENDANG ENCIK OTHMAN ABDUL DAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN AIR PUTEH HAJAH FATIMAH ISMAIL. -- BERNAMA
1706MST 16 08 86